

**Malaysia Akan Bankrap Jika Pembangkang Menang Pilihan Raya - Muhyiddin Bernama**  
**15 Oktober, 2011**

SEREMBAN, 15 Okt (Bernama) -- Malaysia akan bankrap jika pembangkang yang masih gagal menguruskan negeri kecil seperti Selangor dan Kelantan menang pilihan raya, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Pembangkang boleh janji macam-macam tetapi tidak realistik. Belanjawan bayangan yang dia buat memperlihatkan dia belanja sahaja untuk kebajikan rakyat kononnya tetapi tidak pernah ambil kira soal defisit.

"Kalau defisit ini naik sampai 10 peratus, maknanya negara ini tidak diurus dengan baik, macam yang berlaku di Greece," katanya ketika berucap di hadapan 6,000 penduduk Taman Tasik Jaya pada majlis makan malam bersama rakyat di sini.

Muhyiddin berkata kawalan defisit tidak boleh sehingga mengurangkan pembangunan kerana jika terlalu dikawal dan tidak berbelanja, ia akan membawa kepada kejatuhan ekonomi.

Katanya Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang memerintah di Selangor telah menyebabkan keadaan menjadi semakin buruk apabila kerajaan negeri berhutang sebanyak RM1 bilion kepada syarikat air.

Malah, katanya para peniaga khususnya kaum Cina sendiri sudah mengeluh bahawa iklim perniagaan mereka di negeri itu menjadi semakin susah gara-gara dasar yang diperkenalkan oleh PKR yang tidak pernah realistik.

"Adakah kerana emosi politik, kita perlu korbankan masa depan kita. Semasa bersalam dengan seseorang di Selangor baru-baru ini, ada rakyat yang bertanya bila mahu pilihan raya kerana beliau sudah tidak tahan dengan tindak tanduk kerajaan PKR di negeri itu," katanya lagi.

Muhyiddin turut meminta rakyat supaya tidak mudah dipermainkan dengan isu negara Islam yang cuba diperjuangkan di Kelantan yang sering menggunakan slogan 'Membangun Bersama Islam', sebaliknya ia hanya tinggal sebagai retorik sahaja.

Beliau berkata ekonomi di Kelantan cukup teruk apabila kerajaan negeri tidak mempunyai kemampuan untuk memperbaiki masjid-masjid dan gagal menyalurkan bekalan air bersih walaupun kerajaan pusat memberi bantuan RM600 juta.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=620173>